

Edisi
Lebaran

UNTUK SEBARAN UMUM

BULETIN HUFFAZ

"Memartabatkan Al-Quran, Menjunjung
Sirah Rasulullah SAW"

Maahad Tahfiz Ad-Daie Wal Diniah (MADANI) adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.

AHFIZ AD-DAIE WAL DINIAH (MADANI)
LOT 172 KAMPUNG AYER HITAM, 36030 TELUK INTAN
MUKIM CHANGKAT JONG, HILIR PERAK



<https://www.facebook.com/MadaniTelukIntan>



<https://www.tahfizmadani.com/>

Bil 4/2024



Segmen

**Bersama
Mudir**

Manifestasi
Kemenangan

**Sentuhan
Al Quran**

Menikmati
Hidup Bersama
Al Qur'an

**Mutiara
Sirah**

Fajar Yang
Ditunggu-
Tunggu

**Tarbiyatul
Awlad**

Kepentingan
Mendidik Anak



Tak Kenal Maka Tak Cinta Sejarah MADANI`

Pada Tanggal 13 Disember 2013 melalui Surat akaun rasmi & akad mulut rasmi berlakunya proses waqaf Di Pejabat Majlis Agama Islam Perak Cawangan Teluk Intan Perak

Di hadapan Ustaz Saiful Ketua Pegawai Majlis Agama Islam cawangan Teluk Intan & disaksikan oleh Ustaz Abdul Latiff Ismail, Tuan Haji Rahman Yahya iaitu suami pewaqaf(Cikgu Noraini Jaafar), Arwah Ustaz Amran pengerusi Koperasi Ihsan Negeri Perak Berhad, Ustaz Ibrahim Dari Koperasi Ihsan Negeri Perak. Pada 21 Jun 2014 telah diadakan satu Majlis pecah tanah dengan satu Majlis Makan tengahari Amal dengan pelaksanaan 27 buah khemah Yang dihadiri ribuan ahli masyarakat bagi memberi suntikan semangat bagi

memulakan kutipan Dana untuk membina bangunan utama Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah ini

Majlis ini telah disiarkan di dalam satu ruangan surat khabar utama & juga dirakam di dalam channel youtube.

Pada Bulan September 2014 telah dimulakan pembinaan MADANI. Alhamdulillah akhirnya dapat disiapkan penghujung tahun 2017 dengan Kos 2 juta ringgit.

<https://www.youtube.com/watch?v=gNiBJ8plvys>





Bersama Mudir

Manifestasi Kemenangan

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ. وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا.
فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ ۚ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا

*"Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan, dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan berbondong-bondong, maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada-Nya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima taubat."
(An Nasr:1-3)*





Kejayaan Mendidik Jiwa

- Puasa bukan sekadar menahan lapar & dahaga tetapi juga latihan dan didikan jiwa atau mujahadun li nafs. Didikan jiwa ini bermula dengan sahur yang mengajar disiplin, selain itu puasa turut melatih kita mengawal nafsu zahir dan batin. Pada waktu berbuka pula, kita dilatih dengan sifat dermawan, manakala solat tarawih dan qiyamullail merupakan latihan mendekatkan diri dengan Allah. Amalan iktikaf pula mengikat hati dengan masjid. Kesemua amalan ini membentuk latihan rohani yang lengkap bagi mereka yang berpuasa dengan penuh keimanan & pengharapan.
- Semua ini akan membawa kepada kesempurnaan iman sebagaimana sabda Nabi SAW:

عن عبد الله بن عمرو بن العاص -رضي الله عنهما- قال: قال رسول الله -صلى الله عليه وسلم-: «لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ».

‘Abdullah bin ‘Amr bin al-’Ash, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Tidak beriman salah seorang di antara kamu hingga hawa nafsunya mengikuti apa yang aku bawa.” (Hadits hasan shahih dan kami riwayatkan dari kitab al-Hujjah dengan sanad yang shahih).

Hari Kemenangan

- Aidilfitri atau Hari Raya Fitrah merupakan hari yang disyariatkan untuk disambut sebagai hari kegembiraan dan hari kemenangan, bagi umat Islam yang berjaya melaksanakan ibadat dengan sempurna pada bulan Ramadan, juga sebagai menzahirkan kesyukuran kepada Allah s.w.t, di atas rahmat dan petunjukNya. Selaras dengan maksud firman Allah s.w.t di dalam Surah Al Baqarah ayat 185:
- “... Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu bertakbir (membesarkan) Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur”.
- Kemenangan ini wajar diraikan. Bagaimanakah cara yang terbaik dalam meraikan sebuah kemenangan? Ini dijelaskan oleh ALLAH SWT, di dalam surah An Nasr ayat ke 3 yang boleh dirumuskan dengan tiga anjuran UTAMA :
 1. *Perbanyakkan tasbih.*
 2. *Pujian hanya kepada ALLAH SWT, dan*
 3. *Mohonlah keampunan kepada-Nya.*



Muhasabah Taqwa

❁ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ
لِلْمُتَّقِينَ * الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ
عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ * وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا
أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرِ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ
يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ

133. Dan segeralah kamu kepada keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa; 134. yaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik; 135. Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka – dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah -, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

Mengisi Kemenangan

- Pengisian kemenangan ini perlulah disambut dengan natijah (hasilan) TAQWA yang telah digariskan oleh ALLAH SWT. Hal ini disebut oleh ALLAH SWT di dalam surah Ali Imran ayat 133 – 135. Ahli Taqwa itu diringkaskan seperti berikut :
 1. Orang yang menafkahkan (hartanya) semasa lapang atau sempit.
 2. Orang yang berjaya menahan marah.
 3. Orang yang memaafkan (kesalahan) orang lain, dan
 4. Orang yang segera ingat akan ALLAH SWT serta memohon ampunan atas dosa-dosanya melalui pintu taubat.
- Dari ayat ini, kita boleh rumuskan bahawa antara ciri mereka yang bertaqwa adalah sangat dermawan, sangat penyabar, mudah memaafkan dan seorang pendosa yang selalu bertaubat. Bagi mereka yang berjaya melalui Ramadhan dengan baik, maka kita akan dapat melihat imej hasilan ahli taqwa ini di dalam kehidupan peribadi dan bermasyarakat.
- Kemenangan di pagi syawal adalah kemenangan yang membawa kebaikan kepada ummah. Masyarakat bertaqwa adalah masyarakat yang takut kepada ALLAH SWT melalui kepekaan kepada diri sendiri dan kepedulian kepada masyarakat. Peka kepada diri, maka akan timbullah gesaan untuk perbaiki diri secara berterusan dan peduli kepada masyarakat akan menggerakkan semangat untuk berkhidmat demi kebaikan orang lain.





SUMBANGAN DAN TAJAAN BAHAN MENTAH MAKANAN BULANAN PELAJAR TAHFIZ MADANI



MUDIR TAHFIZ MADANI
Cikgu Azmi Bin Bahari



PENGASAS TAHFIZ MADANI
Al-Fadhil Ustaz Abd Latif
bin Ismail

PAKEJ A
RM50

PAKEJ B
RM100



5580 6051 1484
Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah



013-978 2475



Maahad Tahfiz Ad Daie Wal
Diniah



Show your QR code to your friends or
family to receive money

SENTUHAN AL QURAN

Menikmati hidup bersama
AL Qur'an

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

(yaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram. (Ar Ra'du: 28)





Wadah Iman & Kehidupan

- **Al Qur'an adalah sumber pengambilan utama jika kita ingin meningkatkan Iman.**
- **Ia adalah terapi yang paling mujarab untuk penyakit-penyakit hati.**
- **Ia adalah NASIHAT dari Allah. Adakah nasihat yang lebih sempurna dari NASIHAT RABBANI.**
- **Al Qur'an adalah penawar jiwa, ubat bagi hati serta membersihkan hati dari segala kekotoran dan kekejian sehingga hati kembali bercahaya. Mengembalikan manusia pada fitrah insani.**
- **Al Qur'an adalah penawar bagi penyakit fizikal, mental, syak & keraguan.**
- **Al Qur'an mampu menyelesaikan masalah politik, ekonomi, kehidupan bahkan budaya dan peradaban.**

Al Qur'an Pada Pandangan Musuh

Musuh-musuh Islam akan selalu menjauhkan kita dari Al Qur'an, mengambil panduan daripadanya serta hidup dengan nilai dan ajarannya.

UNDANG-UNDANG ISLAM

(Di mana letaknya ...)

LORD WILLIAM REID

Pengasas
Perlembagaan Malaysia
(Suruhanjaya Reid)
adalah seorang Yahudi !

“ Bahawasanya selepas ini tiada sebarang Undang2, akta mahupun peraturan baharu yang boleh mengatasi segala Undang2 yang telah termaktub di dalam perlembagaan Negara baru Malaysia yang merdeka lagi berdaulat. “



PERANG PEMIKIRAN


12

William Ewart Gladstone
(Perdana Menteri Inggris)
1809 - 1898

PAHAMI
STRATEGI MERKA
MENGHANCURKAN
UMAT ISLAM

Percuma kita memerangi umat Islam, dan tidak akan mampu menguasainya selama di dalam dada pemuda-pemuda Islam bertengger Al-Qur'an. Tugas kita sekarang adalah mencabut Al-Qur'an dari hati mereka, baru kita akan menang dan menguasai mereka. Minuman keras dan musik lebih menghancurkan umat Muhammad daripada seribu meriam. Oleh karena itu tanamkanlah ke dalam hati mereka rasa cinta terhadap materi duniawi.

Sample Footer Text



Kembali Kepada Al Qur'an 13

- Sesiapa ingin kembali kepada ALLAH maka kembalilah kepada Al Qur'an.

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ. لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَسْتَقِيمَ

27. Al Quran itu tiada lain hanyalah peringatan bagi semesta alam, 28. (iaitu) bagi siapa di antara kamu yang mahu menempuh jalan yang lurus. [At Takwir]

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

16. Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan keselamatan, dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gelita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizin-Nya, dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus. [Al Ma'idah]

Bagaimana kita dapat merasai
sentuhan & kenikmatan Al
Qur'an?



Jalan Singkat
Menuju Al Qur'an



TIPS PENGHAYATAN AL QUR'an


15

1. Ketika kita memegang mushaf hendaklah kita pindahkan hati kita dari negeri dunia menuju negeri Akhirat.
 2. Hayati Al Qur'an sebagai Kalam Allah.
 3. Bayangkan Allah dengan segala kebesaran & keagungannya sedang bercakap dengan kita
 4. Bayangkan seolah-olah kita mendengarkannya dari lidah Rasulallah SAW
 5. Terimalah semua daripada makna-makna Al Qur'an
 6. Carilah kejelasan maknanya, tadabburinya dan cuba memahami apa yang dimaksudkannya.
 7. Renungi, untuk apa Al Qur'an diturunkan. [Mengetahui tujuan Al Qur'an diturunkan]
 8. Mengambil bahagian dari setiap ayat Al Qur'an.
 9. Jadikan dia sebagai penawar bagi hati.
 10. Pastikan sekurang-kurangnya ada tafsir ringkas bersama kita
- *Inilah jalan yang singkat, mudah & dekat ke tempat yang tinggi.*



Berinteraksi Dengan Al Qur'an

- Al Qur'an tidak berfungsi dalam hati kita sebagaimana pada hati-hati para sahabat, **KECUALI** ketika kita bermuamalah dengannya bagai perasaan seperti sahabat ketika mereka berinteraksi dengan Al Qur'an.
- Dengan cara ini kita kembali kepadaNya sehingga kita memahami tujuan Al Qur'an diturunkan. Dalam perjalanan ini kita akan mendapati keindahan seni dalam Al Qur'an, kisah-kisah yang menghidupkan jiwa, pemandangan hari Qiamat, logik & perasaan serta segala yang diinginkan oleh orang yang sekadar ingin mendapatkan pelajaran & keindahan



Kenapa Perlu Belajar Sirah

1. Mengkaji sirah adalah mengkaji Sejarah Islam
2. Menyuburkan cinta pada Rasulullah SAW; Tak kenal maka tak cinta
3. Dekat, kenal & menjiwai manusia terbaik sebagai contoh ikutan
4. Memahami Al Qur'an dengan lebih mendalam & praktikal; Kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat adalah terjemahan Al Qur'an dalam realiti kehidupan



5. Memahami strategi dakwah & pembinaan ummah
6. Belajar sirah adalah ibadah
7. Dapat membangunkan peribadi muslim sebenar
8. Kehidupan Rasulullah adalah bukti kerasulannya
9. Mengkaji kehidupan Rasulullah adalah mengkaji biografi manusia paling hebat



Mutiara Sirah

FAJAR YANG DITUNGU–TUNGGU

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Ali Imran:31)

Sinar Cahaya Harapan

- Alam maya diselubungi kegelapan yang pekat ketika berita kedatangan seorang Nabi baru mula bergema dan berhamburan ke telinga dan hati di daerah itu.
- Ia kini menjadi tajuk utama dalam sembang-semang penduduk Mekah. Malah masing-masing saling berpesan: "Hendaklah jika telah lahir Nabi baru itu, maka bersegera dan berimanlah kalian dengannya".
- Hati nurani merinduinya... tergantung kepadanya seribu harapan.... bergantung dengan penutup sekalian penyelamat... semua ibu dan bapa mengharapkan Nabi itu lahir dari keturunan mereka, lantaran itu ramai pula di antara mereka yang menamakan anak-anak mereka dengan "Muhammad".
- Namun Nabi yang ditunggu-tunggu itu harus datang dari rantai nasab dari baka yang baik (Zahabiah). Bermula dari Ibrahim dan Ismail alaiهما salam dan berakhir dengan Abdul Mitalib kemudian Abdullah. Sekalian hati ternanti- nanti cahaya kenabian melalui jalan nasab ini. Senario dan pergerakan peristiwa menandakan hampir tiba masanya kelahiran dan kedatangan Nabi tersebut. maka kegelapan akan berganti dengan kemunculan fajar.



Tiada Lagi Nilai Keinsanan


- Insan pada era itu tidak memiliki apa-apa nilai untuk disumbangkan. sebagai suatu yang berarti kepada hidup ini, dengan erti melakar satu matlamat dan tujuan yang bermakna untuk kehidupan manusia. Kehidupan manusia pada zaman itu adalah seperti yang dikisahkan oleh al-Qur'an:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيَعَةٍ يُحْسِبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ فَوَفَّاهُ حِسَابَهُ ۗ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama fatamorgana di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu dia menuju ke arahnya) sehingga apabila dia datang ke tempat itu, (tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu (Surah an-Nur: 39)


أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُّجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ ۚ ظُلُمَاتٌ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ لَمْ يَكِدْ يَرَاهَا ۗ وَمَنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِنْ نُّورٍ

Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis apabila orang itu mengeluarkan tangannya, dia tidak dapat melihatnya sama sekali. (Surah An Nur:40)



Era Jahiliyah

- Era itu dikenali sebagai "Era Jahiliyah", namun erti Jahiliyah dari kata dasar "Jahila" di sini bukanlah bermakna yang setentangan dengan "Ilmu atau pengetahuan". Malah perkataan sinonim dengan "Kufur" bertentangan dengan Iman dan I'tiqad.
- Di sini saya tidak bertujuan untuk membentangkan gambaran keburukan era berkenaan, walaupun secara ringkas. Saya tidak bermaksud memaparkan di hadapan anda semua, satu potret gelap yang menjijikkan, walau pun secara sepintas lalu, kerana gambaran secara detail itu boleh mencemar dan menyesatkan akal minda, malahan bagi saya cara ini boleh menjadi satu jenayah.
- Demi untuk memahami suasana era pada masa itu seharusnya kita membentangkan antara adat-adat dan resam-resam yang indah, hingga dengannya dapat kita menyedari anugerah kelebihan Allah ke atas alam ini, kelebihan rahmat Ilahi, ketika Allah mengutus Insan yang menjadi kebanggaan alam dan Penghulu sekalian Rasul.




RAHMATUL LIL 'ALAMIN

- Kedatangan Baginda merupakan sebesar-besar nikmat Allah SWT kepada alam ini dan semulia-mulia insan-Nya, makna inilah al-Qur'an merakamnya:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ
وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Qur'an yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al- Qur'an) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum- brukum Syariat) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. Surah Aali Imran: 3: 164



AKIDAH Yang Terpesong

- Kaum Nasara berpegang dengan akidah dan kepercayaan yang salah, mereka mempercayai bahawa Allah SWT mengutus Isa as sebagai korban demi menebus dosa pertama manusia. Maha suci Allah kerana mereka mempercayai Tuhan mengorbankan anaknya, untuk memaafkan kesalahan manusia sejagat, untuk itu maka disalibnya al-Masih, berdasarkan akidah yang salah.
- Demikianlah terlaksananya pengampunan terhadap kesalahan pertama, kesalahan yang bermula dari Adam as yang berpindah dan berjangkit kepada manusia semua, setiap manusia menanggung kesalahan lama selepas kedatangan manusia ke alam ini, bermula dari saat kelahirannya. *Akidah ini tidak benar dari satu sudut dan sesat dari satu sudut yang lain, kerana boleh dibuat interpretasi yang pelbagai.*
- Walau bagaimana pun akidah ini memberi satu makna bayangan yang jitu, iaitu Allah SWT mengantar sebaik-baik utusan dari kalangan manusia, seorang Rasul yang paling disayangi oleh Allah SWT, Muhammad, agar membebaskan manusia dari kesesatan, penyelewengan dan keterlaluan, supaya mereka tidak kehilangan petunjuk ke jalan yang sebenar, seterusnya membawa mereka meningkat ke tahap keinsanan manusia yang paling sempurna.

ANUGERAH Teragung

- Oleh itu tengoklah betapa agungnya rahmat, anugerah dan kebaikan Allah SWT kepada semua manusia, dengan mengutus seorang Rasul dari kalangan diri mereka sendiri, Baginda merasa dengan apa yang mereka rasa, memikirkan sebagai mana mereka berfikir, Baginda menjadi mursyid dan petunjuk untuk mereka ke jalan yang boleh menyampaikan mereka kepada Allah SWT.
- Pada masa mereka memerlukan kepada seorang imam di hadapan mereka maka Baginda adalah imam mereka, pada masa mereka memerlukan kepada seorang pemicato, maka Baginda menaiki mimbar sebagai seorang khatib yang petah berbicara, pada masa mereka memerlukan kepada seorang amir penguasa, maka Baginda adalah seorang amir yang berkuasa mengutus bingkisan kepada raja dan penguasa dan memeterai perjanjian, pada masa mereka memerlukan kepada seorang panglima untuk mengepalai saf tentera dalam peperangan, maka Baginda adalah seorang pimpinan yang mengatasi sekalian panglima yang berpengalaman.

Seorang penyair sufi Ibrahim Haqqi, beliau menyebut:

فان على المؤمنين ان يعرفوا رهم ككنز في قلوبهم

Terjemahan: Setiap orang mukmin berkewajipan mengenali Tuhan mereka sebagai perbendaharaan di dalam hati mereka.

- Hati adalah peti simpanan segala khazanah, petala langit dan bumi, ia tidak mempunyai kemampuan untuk mengerti hakikat zat Allah SWT, namun hakikat ini menjelma di dalam hati.
- Tiada buku, minda, pemikiran, falsafah, sastera, ilmu fasahah, langit, bumi dan sekalian kejadian yang dapat memahami hakikat Allah SWT, kesemuanya tidak berdaya membayangkan-Nya. Hanya hati sahaja, walau pun dengan saiznya yang sekecil itu, namun berdaya mengungkap untuk menerangi hakikat akan zat Allah SWT.
- Ya! sesungguhnya bagi hati nurani manusia ada lisan, dimana telinga tidak pernah mendengar bahasa bicara yang sejelas bicaranya, atau dalam satu bahasa yang setinggi itu. Lantaran itu manusia harus meredah jarak perjalanan yang jauh untuk sampai ke lubuk hatinya, manusia harus mencari di dalam hatinya sesuatu yang sedang dicari, di sana manusia akan menemui Tuhannya, setelah itu nanti manusia akan fana dengan kecintaanNya.
- Itulah tujuan utama Allah SWT mengutus Rasul-Nya Muhammad SAW kepada kita semua.

Ya! sesungguhnya telah pun diutuskan Muhammad kepada manusia sejagat, untuk membaca ayat-ayat Tuhannya, membentangkan ke hadapan mata kepala mukjizat-mukjizat-Nya, kedatangannya untuk mengajar manusia hakikat diri mereka, dengan keberkatannya dapat pula manusia melepaskan dirinya dari noda-noda tabiat semula jadi, kemudian tertapis menjadi bersih dan seterusnya meningkat dari alam badani duniawi kepada martabat kehidupan qalbi dan ruhi yang tertinggi. Maka ia telah pun mencapainya



Hari Gembira Bahagia

- Nabi utusan berperanan mengajar manusia al-Kitab dan al-Hikmah, melalui al-Kitab dan al-Hikmah manusia bertemu dengan dirinya, akan bersiap untuk akhirat dan memandang ke sana, serta akan mengambil jalan untuk kehidupan yang abadi. Dan ia telah pun melalui jalan itu.
- Di sana terdapat hari-hari yang penuh barakah, hari-hari begitu penting dan mulia bagi kita, sebilangan darinya dikira sebagai hari raya untuk kaum mukmin, pada tiap minggu kaum mukmin menikmati kegembiraan hari Jumaat.
- Kita menikmati kegembiraan ini dengan kadar yang lebih pada hari Eid al-Fitri dan Eid al-Adha. Pada hari raya Eid al-Adha kaum Muslimin teringat kembali pengorbanan yang dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim AS, pada hari itu mereka beribtilah memohon doa, berdoa kepada Allah sepenuh hati mereka, penuh keikhlasan memohon mendapat kemaafan di atas dosa-dosa mereka, lantaran itu mereka bergegas ke Baitullah menyentuhi tirai Kaabah, pada masa mereka berdiri di padang 'Arafah hati-hati mereka penuh khusyuk bertawajuh kepada Allah SWT, memohon kepada-Nya dengan semangat roh Muhammadiyah yang ada dalam diri mereka untuk mendapat maghfirah dari-Nya.



- Eid al-Fitri adalah raya penuh barakah, kaya dengan ertinya ya. Hari untuk mempamerkan kegembiraan yang dialami seorang beliau menjiwai kedekatannya dengan keredhaan Ilahi, setelah genap berpuasa.
- Tapi di sana satu Eid yang lain, dikira sebagai Eid untuk manusia untuk alam wujud ini seluruhnya, iaitu hari dunia ini dimulakan kedatangan Rasulullah, hari di mana lahirnya Baginda Muhammad.
- Hari di mana Allah SWT menempatkan Nur al-Ahmadi dan C Muhammad di ufuk langit manusia sejagat bak mentari yang t benderang dengan cahayanya.
- Ya! cahaya inilah yang memecahkan kegelapan Jahiliah, cahaya menerangi alam semesta. Inilah sebesar-besar nikmat, seagung anugerah dan pemberian Allah SWT kepada manusia dan jin.





معهد تحفيظ القرآن الكريم والدينiah
MAAHAD TAHFIZ AD-DAIE WAL DINIAH

Pengambilan PELAJAR BAHARU TAHUN 2024



PENGASAS TAHFIZ MADANI
Al-Fadhil Ustaz Abd Latiff
bin Ismail

MODUL PEMBELAJARAN

- TAHFIZ AL-QURAN
- KAJIAN SIRAH
- MODUL KEPIMPINAN
- TADABBUR AL-QURAN
- KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)
- SIJIL TAHFIZ MALAYSIA (STM)
- SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

KEMUDAHAN

- KANTIN
- KELAS
- SURAU
- DEWAN
- PERPUSTAKAAN
- KELAS HYBRID



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT
MENGENAI PENDAFTARAN

"MEMARTABAT AL-QURAN, MENJUNJUNG SIRAH RASULULLAH SAW"

PERTANYAAN LANJUT

📞 **013-795 1281 (HOTLINE MADANI)**

📞 **011-2429 1315 (PENGASAS)**

📞 **019-474 4343 (MUDIR)**

f TAHFIZ MADANI TELUK INTAN PERAK

Perkembangan Tahfiz MADANI



Maahad Tahfiz MADANI adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.

Pendaftaran kini dibuka untuk pengambilan pelajar sesi tahun 2024/25





**Kepentingan
Mendidik Anak**

Tujuan Pendidikan Anak

1. Untuk Selamat Dari Api Neraka

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ.

Artinya: "Wahai orang-orang yang beriman ! peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan. Q.S.At-Tahrim/66: 6

2. Sebagai Hamba Allah

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

56. Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.

3. Sebagai Pemimpin

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا فُرْقَةً أَغْنَيْنِ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

74. Dan orang-orang yang berkata: "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa. (Al Furqan]



Tanggungjawab Mendidik

- Di era manapun kita berada, tanggungjawab mendidik tidak akan berkurang.
- Ibubapa adalah madrasah pertama dalam hal ini
- Ibubapalah yang meyahudikan, menasranikan atau memajusikan anak-anak mereka.
- Ibubapa adalah murabbi dan sekaligus qudwah pada anak-anak.
- Ibubapa adalah ratu suci bagi jiwa anak-anak. Sikap & tingkahlaku ibubapa sangat berpengaruh pada anak-anak.

“Barangsiapa yang sengaja tidak mengajarkan apa yang bermanfaat bagi anaknya dan meninggalkannya begitu saja, dia telah melakukan suatu kejahatan yang sangat besar. (Ibnu Qayyim Al Jauziyah)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يَنْصَرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya: Setiap anak yang dilahirkan it dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibubapanyalah yang mencorakkannya menjadi yahudi atau nasrani atau majusi.

(Hadis riwayat Bukhari 1385)



Bila Tanggungjawab Ini Bermula

- Pendidikan seorang anak bermula di rumahnya, bahkan bermula dari dalam rahim ibunya.
- Perancangan untuk melahirkan dan membentuk anak yang beriman dan berperanan di dalam membangunkan Islam dimulai dengan niat sewaktu memilih pasangan hidup lagi

Perlu Kepada Manhaj Atau Kurikulum

- Mendidik anak tidak cukup dengan trial & error. Perlu ada panduan yang jelas, perlu pada manhaj(kurikulum) & proses yang betul.
- Manhaj pendidikan mengikut umur dan tahap. Perlu pendekatan dan bahan-bahan yang sesuai.

“Anak-anak adalah salah satu unsur dari umat ini. Hanya saja ia tersembunyi disebalik tabir keanak-anakannya. Apabila tersingkapnya tabir itu maka kita akan menemui ia berdiri sebagai salah satu tiang penyangga bangunan umat ini. Akan tetapi ketentuan Allah SWT pasti berjalan, iaitu bahawa tabir tersebut tidak akan tersingkap melainkan dengan bimbingan dan pendidikan secara berkala, sedikit demi sedikit. Oleh itu, haruslah dilakukan dengan perencanaan yang matang dan bertahap” (As Syaikh Muhammad Al Khidhr)



3 ELEMEN TARBIAH



MANHAJ 01

Kurikulum atau panduan yang menentukan matlamat, objektif, pendekatan, tahapan, kaedah, rujukan dll

01

02


03

MURABBI 02




Pendidik mithali dengan segala ilmu & kemahiran

BI'AH SOLEHAH 03




Persekitaran yang boleh menyuburkan iman dan membangunkan TAQWA kepada Allah SWT



Beberapa Rujukan Sebagai Panduan






MANHAJ ATAU KURIKULUM






PENDEKATAN DALAM MENDIDIK




Bacaan Pengayaan



BUKU Bacaan/TUGASAN Anak KECIL



Bahan Bacaan/TUGASAN UNTUK ANAK REMAJA





Forum Nuzul Al Qur'an







PELUANG PELABURAN AKHIRAT

Anda ingin memanfaatkan sebahagian harta untuk projek pembinaan ummah?

1. PAKEJ A: TAJAAN PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN- RM 350
 2. PAKEJ B: TAJAAN PEMBELAJARAN PELAJAR – RM 400 (SEBULAN)
 3. PAKEJ C: TAJAAN BIL ELEKTRIK & BIL AIR – RM 200 (SEBULAN)
 4. PAKEJ D: TAJAAN MAKANAN – RM 250 (SEBULAN)
 5. PAKEJ SEIKHLAS HATI – RM 10 atau berapa saja jumlah
- Semoga segala keprihatinan, perhatian dan sumbangan ikhlas tuan/puan ALLAH berkatinya dan membalasnya dengan sebesar-besar ganjaran, diberkati rezeki dan umur dengan keberkatan sedekah jariah ini.

“ VISI

Peneraju dalam pembinaan pemimpin berteraskan Al Quran dan Sirah serta membangunkan potensi pelajar sebagai pemimpin ummah di masa hadapan

“ MISI

Melestarikan sistem pendidikan yang bersepadu dan komprehensif bagi membangunkan keperibadian dan potensi pelajar.

“ ASPIRASI MADANI

Melahirkan Generasi Pemimpin
Sohibul Qur'an & Kepimpinan
Berasaskan Al Qur'an

“
**Memartabatkan
Al-Quran,
Menjunjung
Sirah Rasulullah
SAW**

